



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Isu-Isu Logistik Halal di Malaysia dan Kaitannya Pada Usahawan

Noor Malinjasari Binti Ali¹, Raslina Mohamed Nor¹, Suzila Mat Salleh¹, Siti Fatimah Mardiah Hamzah¹, Ruzaidah Sulong¹, Hasmida Mohd Noor¹, Afif Zuhri Muhammad Khodri Harahap¹, 2Kardina Kamaruddin

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, Terengganu, Malaysia

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia

Koresponden emel: noorm726@uitm.edu.my

Integriti makanan merupakan antara isu yang menjadi perhatian dan perdebatan terutamanya dalam konteks logistik halal dan rantai bekalan di Malaysia. Sungguhpun Malaysia dikenali sebagai negara Islam, isu-isu mengenai logistik halal sering menjadi perhatian disebabkan tekanan daripada pengguna dan kerajaan. Usahawan perlu mengambil tahu mengenai isu ini kerana kebanyakan usahawan Malaysia kebiasaannya menjadikan produk makanan sebagai produk perniagaan mereka dan apatah lagi kebanyakan pengguna mereka juga adalah pengguna Muslim. Masalah seperti isu pelabelan hanyalah merupakan isu kecil namun sekiranya masalah ini tidak diatasi, ia akan menimbulkan isu yang lebih besar lagi iaitu kepercayaan pengguna. Mari kita lihat, apakah masalah yang timbul daripada isu logistik halal ini dan apa kaitannya pada usahawan?

Kurang Penguatkuasaan

Antara isu yang timbul daripada logistik halal ini adalah kurang penguatkuasaan daripada JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), kurangnya bantuan daripada agensi berkaitan dan kurang kolaborasi antara pihak yang berkuasa mengeluarkan persijilan halal dan proses persijilan yang lembap (Shahidan dan Othman, 2006). Ada juga yang mendakwa bahawa kekurangan pengkalan data dan sokongan kepada sistem maklumat yang terkini yang menjadi masalah kepada pelaksanaan tugas dan tanggungjawab berkaitan dengan logistik halal (Hishamuddin, 2007).

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Huda et al (2009) pula mengenengahkan isu ketidakcekapan proses sijil perhalalan dan konflik antara pihak penguasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun menurut pengarang lagi, banyak usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia untuk memperbaiki dan mempertingkatkan sistem pembangunan halal di Malaysia supaya segala isu dapat diatasi dan cabaran yang mendatang dapat diharungi. Usahawan dapat mengambil manfaat apabila penguatkuasaan semakin diperketatkan kerana pengguna lebih berkeyakinan untuk membeli produk terbabit.

Keperluan Asas Untuk Pelaksanaan Halal

Sungguhpun banyak kajian telah dibuat mengenai konsep pelaksanaan halal logistik daripada pandangan pembuat polisi dan penyedia perkhidmatan mengenai piawaian halal dan teknologi untuk logistik halal namun masih terdapat kekangan kajian dalam menilai keperluan asas untuk melaksanakan logistik halal terutama dalam operasi harian (Hayati et al, 2008; Azah et al, 2008).

Bagaimana amalan semasa mengenai sistem pembangunan halal masih lagi menjadi persoalan terutama daripada segi persijilan dan pemantauan sistem penguatkuasaan untuk logistik halal di Malaysia. Ada negara yang meletakkan jabatan syariah mereka di kawasan pelabuhan untuk memeriksa status halal setiap barangan yang diimport sebelum dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam Negara tersebut. Mungkin Malaysia boleh mengamalkan tindakan seperti ini. Langkah seperti ini juga tidak memerlukan kepada sebarang peralatan yang canggih dan mahal. Setidak-tidaknya, dengan berbuat demikian, keyakinan masyarakat untuk menggunakan barangan tersebut semakin tinggi. Ini juga dapat memberi manfaat kepada usahawan (Sham et al, 2017).

Pembungkusan

Kajian oleh Mohamed dan Mohd (2012) telah memfokuskan kepada isu yang dialami berkaitan dengan pembungkusan halal. Mereka menyatakan bahawa persijilan halal pada pembungkusan, kaedah halal pengendalian produk dan kebolehesanan halal pada pembungkusan menghadapi banyak cabaran. Ini adalah kerana produk dengan logo halal masih menimbulkan keraguan dalam pematuan syariah kerana terlalu banyak logo halal yang berlainan di pasaran.

Soalannya, sejauh mana logol halal yang dicetak di bungkus makanan adalah dibenarkan, patuh syariah dan mengikut peraturan dan undang-undang. Proses untuk menentukan sumber halal tidak boleh dilaksanakan oleh individu dan memerlukan badan seperti JAKIM untuk ditempatkan di setiap pelabuhan atau untuk melaksanakan pemeriksaan secara tiba-tiba (spotcheck) kepada barangan yang dimport ke Malaysia untuk mengesahkan logo dan kandungan yang halal. Tindakan ini dilihat sebagai satu solusi yang praktikal dalam isu logo halal. Ada negara yang juga telah menyaring pakaian, buku-buku dan bahan bacaan lain di negara mereka untuk memastikan hanya yang mematuhi syariah sahaja yang dibenarkan untuk diedarkan dalam negara mereka.

Tindakan ini dianggap penting seperti saranan Tieman (2011) yang menyatakan bahawa betapa pentingnya untuk memastikan produk pengguna bukan sahaja selamat apabila tiba di titik penggunaan tetapi juga sepanjang tempoh barangan tersebut beredar di seluruh sistem rantai bekalan bermula daripada barang tersebut diproses, seterusnya sehingga barangan tersebut diedarkan sampailah selamat ke tangan pengguna.

Kajian awal yang dilakukan oleh Shahidan dan Othman (2006) mendapati bahawa isu dengan persijilan halal terjadi disebabkan beberapa siri berkaitan dengan definisi halal, isu logo halal yang dikeluarkan oleh individu tertentu, penggunaan ayat al-Quran dan huruf Araf pada produk dan premis makanan serta penguatkuasaan yang lemah oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam menangani isu logo halal yang palsu. Sebagai contoh ada logo halal yang dicetak pada pembungkusan makanan yang diragui sebagai halal kerana ada laporan yang menyatakan makanan tidak halal seperti babi dibungkus dan dilabel sebagai halal (Hong, 2007). Dilaporkan daripada Pakatan Integriti Halal Antaravangsa (International Halal Integrity Alliance – IHIA) in 2011, ada sebanyak 122 badan persijilan halal yang aktif, terdiri daripada pihak kerajaan, firma, masi'id atau pertubuhan Islam yang secara aktif mengeluarkan logo halal terhadap pelbagai produk.

Perkara seperti ini juga berlaku di Malaysia juga di mana logo halal di banyak pembungkusan makanan adalah diragui kesahihannya terutama pada produk yang diimport. Sungguhpun banyak langkah telah diambil oleh JAKIM dalam mengesahkan logo halal daripada masa ke semasa melalui laman web mereka terutama pada makanan yang diimport, pengguna sering dibebankan untuk mengambil tindakan sendiri berhubung dengan keputusan untuk membeli atau tidak produk terbabit. Untuk yang pandai menggunakan teknologi, mungkin tiada masalah kerana mereka boleh log in pada laman web tersebut dan mendapatkan maklumat yang diperlukan namun bagi kebanyakan masyarakat yang tidak terdedah kepada teknologi maklumat mungkin akan ketinggalan dalam membuat keputusan yang tepat. Oleh itu, adalah lebih berkesan sekiranya JAKIM boleh menyaring semua produk terlebih dahulu sebelum dibenarkan dijual di pasaran dan usahawan juga perlu peka kepada perkara ini. Sebagai kesimpulan, para usahawan patut mendapat pendedahan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan halal terutama pada produk makanan yang mereka jual supaya hanya produk yang betul-betul disahkan halal sahaja yang dijual pada pengguna Muslim dan memastikan syariat dan syiar Islam terus berkembang dan terpelihara.

Rujukan

- [1] Shahidan, S. and Md Nor Othman. Halal Certification: An International Marketing Issues and challenges. [Online]. Kuala Lumpur. 2006.
- [2] Ahmad Hishamuddin. Community Participation and Empowerment: An Approach for JAKIM Halal Verification and Feedback Mechanism (unpublished Master dissertation, UiTM). 2007.
- [3] Hong, L. (2007). NTUC Fairprice to File Police Report for Tampering of Pork Packet. Channel News Asia. See also URL www.channelnewsasia.com/stories/singaporelocalnews/view/309067/1/.html- International
- [4] Nurul Huda N., Nor Laila M. N., Mardziah H. and Zainal S., Value Chain of Halal Certification System: A Case of the Malaysia Halal Industry. European and Mediterranean Conference on Information Systems, July 13-14 2009., Crowne Plaza Hotel, Izmir
- [5] Hayati, A.T., Khairul Anuar, M.A. and Kahirur Rijal. Quality Assurance in Halal Food Manufacturing in Malaysia: A Preliminary Study- Proceedings of International Conference on Mechanical & Manufacturing Engineering, Johor Bahru, Malaysia. 2008.
- [6] Azah, NA., M.N.M.H. Nizam and M. Azmi, The Users Perceptions and Opportunities in Malaysia in Introducing RFID system for Halal Food Tracking-. Wscas Trans. Inform. Sci Appl., 2008.5:843-852.
- [7] Tieman, M. (2011). The Application of Halal in Supply Chain Management: In-Depth Interviews. Journal of Islamic Marketing, 2(2), 186-195.
- [8] Mohamed Syazwan Ab, T., & Mohd Remie Mohd, J. (2012). Issues in Halal Packaging: A Conceptual Paper. International Business and Management, 5(2), 94-98. <http://doi.org/10.3968/j.ibm.1923842820120502.1080>
- [9] Sham, R., Rasi. R.Z., Andamin, N., Mohamed, S., TKM. Bibi. T (2017), Halal Logistics Implementation in Malaysia: A Practical View, International Research and Innovation Summit (IRIS, 2017), IOI Publishing, doi: 10.1088/1757-899X/226/1/012040

